SURUHANJAYA
PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT
COMMISSION

SPAD

Rujukan Kami : SPAD/FGT/(S) -4/1/1(1)
Tarikh:30 Januari 2013

**EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

Y.Bhg. Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPAD) BIL. 1 TAHUN 2013**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah menyediakan Pekeliling SPAD Bil. 1 Tahun 2013 : Proses Pengeluaran Lesen Pengendali berhubung konsep dan proses permohonan lesen pengendali di seluruh Semenanjung Malaysia.

3. Sukacita bersama-sama ini disertakan sesalinan pekeliling tersebut untuk makluman dan perhatian pihak Y.Bhg. Dato' / tuan / puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**A. HALIM BIN HUSAIN**
Ketua Bahagian Kenderaan Barangan

RECEIVED
15 FEB 2013
ACCCIM
马来西亚中华总商会

# PEKELILING
# SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
# BIL. 1 TAHUN 2013

---

## PROSES PENGELUARAN LESEN PENGENDALI

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 7 JANUARI 2013

Semua Pemohon
Semua Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Di Semenanjung Malaysia
Semua Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barangan Di Semenanjung Malaysia
Semua Pejabat S.P.A.D
Agensi-agensi Kerajaan Yang Berkenaan

## PROSES PENGELUARAN LESEN PENGENDALI

### TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan di Semenanjung Malaysia (Pengendali) berhubung dengan proses pengeluaran lesen pengendali.

### LATAR BELAKANG

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) telah memaklumkan berkenaan migrasi lesen kenderaan kepada lesen pengendali melalui Pekeliling Bil. 3 Tahun 2012 yang telah dikeluarkan pada 8 Mac 2012.

3. Ketika ini, lebih 75,000 Pengendali sedia ada telah diberikan lesen pengendali bagi menggantikan lesen kenderaan yang berkenaan.

4. Lesen pengendali terdiri daripada empat (4) komponen utama, iaitu:

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Lesen pengendali | Mengandungi maklumat utama pengendali yang terdiri daripada nama syarikat, nombor dan alamat daftar syarikat, kelas lesen dan tempoh sah laku lesen. |
| (b) | Permit kenderaan | Mengandungi dua (2) komponen:<br><br>(i) Lampiran A - senarai semua permit kenderaan aktif yang dimiliki oleh Pengendali dalam kelas lesen yang berkenaan; dan<br><br>(ii) Permit kenderaan - tanda pengenalan yang dibawa bersama dalam setiap kenderaan bagi kelas kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan yang berkenaan. |
| (c) | Permit perkhidmatan | Mengandungi senarai laluan yang dibenarkan bagi Pengendali dalam kelas lesen yang berkenaan. |
| (d) | Keperluan tahap perkhidmatan | Syarat-syarat lesen dan keperluan yang perlu dipatuhi oleh Pengendali yang mencakupi aspek keselamatan, perkhidmatan pelanggan, kebolehpercayaan dan kebolehcapaian. |

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

5. Pelaksanaan lesen pengendali oleh S.P.A.D. akan melibatkan beberapa perubahan dalam proses permohonan lesen sedia ada. Setiap Pengendali perlu mengambil perhatian terhadap perubahan dan penambahbaikan ini bagi melancarkan setiap proses permohonan yang dikemukakan ke pejabat S.P.A.D.

6. Perubahan proses pelesenan ini adalah seperti berikut:

| Bil. | Permohonan | Perincian |
|---|---|---|
| 1 | Permohonan Lesen Pengendali | (i) Permohonan lesen pengendali hanya terpakai kepada pemohon yang belum pernah beroperasi sebagai pengendali perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan.<br>(ii) Permohonan lesen pengendali terpakai kepada Pengendali sedia ada jika hendak memohon kelas lesen yang belum pernah dikendalikan. |
| 2 | Permohonan Penambahan Permit Kenderaan | (i) Permohonan penambahan permit kenderaan adalah untuk Pengendali sedia ada yang hendak menambahkan bilangan permit kepada kelas lesen yang dimiliki. |
| 3 | Permohonan Ubahsyarat | (i) Permohonan ubahsyarat adalah kepada Pengendali sedia ada bagi mengubah apa-apa syarat di dalam lesen pengendali yang dimiliki.<br>(ii) Permohonan ubahsyarat juga terpakai bagi memindahkan pemilikan lesen |

| Bil. | Permohonan | Perincian |
|---|---|---|
| | | pengendali dari Pengendali sedia ada kepada Pengendali atau entiti lain. |
| 4 | Permohonan Pembaharuan Lesen pengendali | (i) Pembaharuan lesen pengendali hendaklah dilakukan dalam tempoh masa antara tiga (3) hingga enam (6) bulan sebelum tarikh tamat lesen pengendali.<br>(ii) Bagi pembaharuan lesen pengendali, pemohon hanya perlu membawa lesen pengendali yang asal dan Lampiran A. Selepas proses pembaharuan, lesen pengendali, permit kenderaan dan Lampiran A yang baharu akan dikeluarkan.<br><br>**(Akan berkuatkuasa mulai 1 April 2013)** |
| 5 | Permohonan Semula | (i) Permohonan semula hendaklah dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh tamat lesen pengendali berkenaan.<br>(ii) Pengendali hendaklah mengemukakan justifikasi secara bertulis bagi menjelaskan kelewatan membaharui lesen pengendali tersebut. |
| 6 | Mengganti Lesen Pengendali atau Mana-Mana Dokumen yang Hilang atau Rosak | (i) Permohonan untuk mengganti lesen pengendali yang hilang atau rosak hendaklah dibuat dalam tempoh 24 jam dari masa lesen pengendali tersebut didapati hilang atau rosak dengan melampirkan laporan secara bertulis kepada S.P.A.D<br>(ii) Satu lesen PENDUA akan dikeluarkan bagi menggantikan lesen pengendali yang hilang atau rosak. |

## Tempoh Lesen Pengendali dan Permit Kenderaan

7. Tempoh lesen pengendali yang dikeluarkan atau diperbaharui adalah sehingga lima (5) tahun.

8. Tempoh bagi semua permit kenderaan adalah sama dengan tempoh lesen pengendali.

9. Walau bagaimanapun, tempoh permit kenderaan berbeza dengan tempoh lesen pengendali sekiranya kenderaan tersebut terikat dengan penetapan had usia oleh S.P.A.D. Dalam situasi ini, tempoh permit kenderaan yang diluluskan lebih pendek berbanding tempoh lesen pengendali sekiranya tempoh had usia kenderaan kurang dari tempoh lesen pengendali.

Contoh : Had usia kenderaan bas sekolah yang dibenarkan ialah sehingga 30 tahun. Bas sekolah tersebut akan mencapai had usia 30 tahun pada 31 Mac 2014.

Tempoh lesen pengendali ialah dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015.

Maka, tempoh permit kenderaan yang diluluskan ialah dari 1 Januari 2013 hingga 31 Mac 2014 sahaja.

10. Pengendali hendaklah membuat permohonan ubahsyarat ganti kenderaan.

11. Permit kenderaan baru yang dikeluarkan akan mengikut tempoh lesen pengendali.

**Borang Permohonan**

12. Borang-borang permohonan berkaitan lesen pengendali boleh di dapati di semua pejabat S.P.A.D yang berdekatan dan boleh juga dimuat turun dari laman web rasmi S.P.A.D. di www.spad.gov.my.

**Surat Tawaran Kelulusan (STK) dan Surat Kelulusan (SK)**

13. Surat Tawaran Kelulusan (STK) akan dikeluarkan untuk permohonan baharu lesen pengendali dan penambahan permit kenderaan yang telah diluluskan. STK adalah **sah bagi tempoh 12 bulan** dari tarikh ianya dikeluarkan.

14. Proses mendaftar kenderaan hendaklah dilakukan dalam tempoh berkenaan. Sekiranya kenderaan **gagal didaftarkan** dalam tempoh yang ditetapkan, pemohon atau Pengendali hendaklah membuat permohonan dengan mengisi borang permohonan ubahsyarat STK **sekurang-kurangnya sebulan sebelum tamat tempoh STK** untuk melanjutkan tempoh tersebut.

15. Permohonan lanjutan STK yang telah tamat tempoh akan dikenakan caj tambahan RM100.00 bagi setiap STK di samping bayaran proses

permohonan sedia ada sekiranya permohonan dilakukan **tidak melebihi enam (6) bulan selepas tamat tempoh**, tertakluk kepada kelulusan.

16. Permohonan untuk melanjutkan tempoh STK hendaklah disertakan dengan bukti pembelian kenderaan.

17. Surat Kelulusan (SK) akan dikeluarkan kepada permohonan ubahsyarat lesen pengendali yang telah diluluskan. SK adalah sah bagi **tempoh 12 bulan** dari tarikh ianya dikeluarkan.

18. Tiada lanjutan kepada SK.

<u>**Kadar Bayaran Lesen Pengendali dan Permit Kenderaan**</u>

19. Kadar bayaran bagi permohonan baharu lesen pengendali dan penambahan permit kenderaan adalah seperti berikut:

| BIL. | KOMPONEN | | KADAR BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Fi pemprosesan - mengikut fi sedia ada | | RM10.00 bagi setiap permit kenderaan yang dipohon |
| 2 | Surat Tawaran Kelulusan (STK) | | Percuma |
| 3 | Caj cetakan | Lesen pengendali | RM30.00 setiap lesen |
| | | Permit kenderaan | RM50.00 setiap permit |
| | | Lampiran A | Percuma |
| | | Permit perkhidmatan | Percuma |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Keperluan tahap perkhidmatan | Percuma |
| 4 | Fi tahunan | Lesen pengendali | Mengikut jumlah permit kenderaan dan kelas lesen seperti di Lampiran A |

20. Kadar bayaran bagi permohonan ubahsyarat lesen pengendali adalah seperti berikut:

| BIL. | KOMPONEN | | KADAR BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Fi pemprosesan - mengikut fi sedia ada | | RM10.00 bagi setiap permit kenderaan yang dipohon |
| 2 | Fi Surat Kelulusan (SK) | | RM 20.00 setiap kelulusan |
| 3 | Caj cetakan | Lesen pengendali | RM30.00 setiap lesen |
| | | Permit kenderaan | RM50.00 setiap permit |
| | | Permit perkhidmatan (sekiranya ada perubahan) | RM10.00 setiap permit |
| | | Lampiran A (sekiranya ada perubahan) | RM10.00 setiap dokumen |

21. Kadar bayaran bagi permohonan pembaharuan lesen pengendali adalah seperti berikut:

| BIL. | KOMPONEN | KADAR BAYARAN |
|---|---|---|
| 1 | Fi pemprosesan - mengikut fi sedia ada | RM10.00 bagi setiap permit kenderaan yang dipohon |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2 | Caj cetakan | Lesen pengendali | RM30.00 setiap lesen |
| | | Permit kenderaan | RM50.00 setiap permit |
| | | Lampiran A | Percuma |
| 3 | Fi tahunan | Lesen pengendali | Mengikut jumlah permit kenderaan dan kelas lesen seperti di Lampiran A |
| 4 | Caj tambahan (bagi permohonan yang dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat lesen pengendali) | | RM50.00 bagi setiap permit kenderaan yang dipohon |

22. Kadar bayaran bagi lesen pengendali pendua adalah seperti berikut:

| BIL. | KOMPONEN | | KADAR BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Fi pemprosesan | | Percuma |
| 2 | Caj tambahan (bagi permohonan mengganti lesen pengendali atau mana-mana dokumen yang hilang atau rosak) | | RM50.00 setiap lesen dan dokumen |
| 3 | Caj cetakan | Lesen pengendali | RM50.00 setiap lesen |
| | | Permit kenderaan | RM50.00 setiap permit |
| | | Permit perkhidmatan | RM50.00 setiap permit |

23. Kadar bayaran bagi permohonan semula lesen pengendali adalah seperti berikut:

| BIL. | KOMPONEN | | KADAR BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Fi pemprosesan - mengikut fi sedia ada | | RM10.00 bagi setiap permit kenderaan yang dipohon |
| 2 | Caj tambahan (bagi permohonan semula yang dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh tamat lesen pengendali). | | RM100.00 bagi setiap permit kenderaan yang dipohon |
| 3 | Caj cetakan | Lesen pengendali | RM30.00 setiap lesen |
| | | Permit kenderaan | RM50.00 setiap permit |
| | | Permit perkhidmatan | Percuma |
| | | Lampiran A | Percuma |

**<u>Operasi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam dan Kenderaan Barangan Berdasarkan Lesen Pengendali</u>**

24. Apabila beroperasi, dokumen berikut perlu dibawa bersama dalam setiap kenderaan:

(a) salinan lesen pengendali;

(b) salinan permit perkhidmatan (yang disahkan oleh S.P.A.D, bagi perkhidmatan pengangkutan awam sahaja); dan

(c) permit kenderaan asal (bagi treler kontena, dibenarkan membawa salinan permit kenderaan treler yang berkenaan).

25. Pengendali perlu mengemaskini tarikh terkini lesen pengendali dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan mengemukakan dokumen berikut:

(a) Lesen pengendali asal atau salinan lesen pengendali yang disahkan; dan

(b) Lampiran A asal atau salinan Lampiran A yang disahkan.

26. Pengesahan salinan dokumen boleh dilakukan di mana-mana pejabat S.P.A.D yang berdekatan.

27. Pemandu kenderaan perkhidmatan awam bagi kelas lesen bas ekspres, bas berhenti-henti, bas mini dan bas pengantara (jika berkenaan) perlu membawa bersama dalam setiap kenderaan bas yang beroperasi jadual tambang dan jadual perjalanan bagi setiap laluan yang diluluskan dan perlu disahkan oleh S.P.A.D. Format terkini jadual tambang dan jadual perjalanan yang perlu dipatuhi adalah seperti di Lampiran B, C dan D.

**TINDAKAN**

28. Semua kakitangan dan pegawai yang bertanggungjawab dipohon untuk memaklumkan kepada semua pemohon dan Pengendali berhubung dengan pelaksanaan proses pengeluaran lesen pengendali ini.

## TARIKH KUATKUASA

29. Arahan pekeliling pelaksanaan akan mula berkuatkuasa **mulai 7 Januari 2013.**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**7 JANUARI 2013**

LAMPIRAN A

## KADAR BAYARAN CAJ TAHUNAN PERMIT KENDERAAN BAGI TEMPOH LESEN YANG DILULUSKAN

| BIL. | KELAS LESEN | KADAR BAYARAN (RM/TAHUN) |
|---|---|---|
| 1 | a) Teksi | RM10 |
| | b) Kereta sewa | RM10 |
| | c) Teksi lapangan terbang | RM20 |
| | d) Kereta sewa dan pandu | RM20 |
| | e) Teksi mewah/limosin | RM20 |
| 2 | a) Bas berhenti-henti | RM20 |
| | b) Bas catar | RM20 |
| | c) Bas ekspres | RM20 |
| | d) Bas mini | RM20 |
| | e) Bas pekerja | RM20 |
| | f) Bas pengantara | RM20 |
| | g) Bas sekolah | RM10 |
| 3 | a) Lori pembawa A | RM20 |
| | b) Lori pembawa C | RM20 |

**LAMPIRAN B**

# JADUAL TAMBANG DAN JADUAL PERJALANAN BAS BERHENTI-HENTI / BAS MINI / BAS PENGANTARA

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

NO BAS : **LAMPIRAN A**
NO. LALUAN :

**PERHATIAN:**
ADALAH MENJADI KESALAHAN SEKIRANYA JADUAL PERJALANAN DAN JADUAL TAMBANG INI TIDAK DIPATUHI

**JADUAL TAMBANG BERHENTI-HENTI**

( HAWA DINGIN )

BERKUATKUASA MULAI 1 OGOS 2009

LALUAN : **DARI PASIR GUDANG KE KOTA TINGGI DAN SEBALIKNYA**

NAMA SYARIKAT PENGENDALI : SYARIKAT BAS ABC
ALAMAT OPERASI : NO.1, JALAN DAMAI, 88500 JOHOR BAHRU
NO.SYARIKAT : 687543 (BB)

| KM | DESTINASI | PASIR GUDANG | | | TERMINAL LARKIN | KOTA PUTERI | PLENTONG | TAMAN MOLEK | SIMPANG MASAI | ULU TIRAM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | PASIR GUDANG | | | | | | | | | |
| 1 | | 0.90 | | | | | | | | |
| 2 | | 0.90 | 0.90 | | | | | | | |
| 5 | TERMINAL LARKIN | 1.20 | 1.10 | 1.00 | | | | | | |
| 8 | KOTA PUTERI | 1.50 | 1.40 | 1.30 | 1.00 | | | | | |
| 14 | PLENTONG | 2.10 | 2.00 | 1.90 | 1.60 | 1.30 | | | | |
| 16 | TAMAN MOLEK | 2.30 | 2.20 | 2.10 | 1.80 | 1.50 | 0.90 | | | |
| 17 | SIMPANG MASAI | 2.40 | 2.30 | 2.20 | 1.90 | 1.60 | 1.00 | 0.90 | | |
| 27 | ULU TIRAM | 3.30 | 3.2 | 3.10 | 2.80 | 2.50 | 2.00 | 1.80 | 1.70 | |
| 52 | KOTA TINGGI | 5.60 | 5.50 | 5.50 | 5.20 | 4.90 | 4.30 | 4.10 | 4.00 | 3.10 |

| JADUAL PERJALANAN | | | | |
|---|---|---|---|---|
| LALUAN | ISNIN - SABTU | | AHAD – CUTI AM | |
| | BAS PERTAMA | BAS AKHIR | BAS PERTAMA | BAS AKHIR |
| PASIR GUDANG | 6:00 AM | 10:00 PM | 7:00 AM | 10:00 PM |
| KOTA TINGGI | 6:00 AM | 10:00 PM | 7:00 AM | 10:00 PM |
| MASA | 06:00 – 22:00 | | 07:00 – 22:00 | |
| JUMLAH TRIP | 1 JAM | | 1 JAM | |
| KEKERAPAN | ½ JAM | | ½ JAM | |
| JARAK LALUAN 52 KM | | | | |

NOTA

| | |
|---|---|
| Dewasa | : Tambang Penuh |
| Murid Sekolah ( Pakaian Seragam Penuh ) | : Tambang Separuh HARGA |
| Orang Kurang Upaya ( OKU ) & Warga Tua > 60 Tahun | : Tambang Separuh HARGA |
| Kanak-kanak ( 7 – 12 Tahun ) | : Tambang Separuh HARGA |
| Kanak-kanak ( < - 7 Tahun ) | : Percuma |

**DILULUSKAN OLEH :**

**TARIKH :**

**JADUAL TAMBANG INI MEMBATALKAN JADUAL TAMBANG TERDAHULU**

# LAMPIRAN C

## JADUAL TAMBANG BAS EKPRES

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

NO. BAS : LAMPIRAN A
NO. LALUAN :

**JADUAL PERJALANAN DAN JADUAL TAMBANG BAS EKSEKUTIF**
**BERKUATKUASA MULAI 1 OGOS 2009**
**LALUAN : DARI JOHOR BAHRU KE BUKIT KAYU HITAM DAN SEBALIKNYA**

NAMA SYARIKAT : SYARIKAT ABC
ALAMAT OPERASI : NO. 1, JALAN DAMAI, 88500 JOHOR BAHRU
NO. SYARIKAT : 687543(BE)

| PERHATIAN |
|---|
| ADALAH MENJADI KESALAHAN SEKIRANYA JADUAL PERJALANAN DAN JADUAL TAMBANG INI TIDAK DIPATUHI |

**JADUAL TAMBANG**

| DESTINASI | J. BAHRU | KLUANG | B. PAHAT | SEGAMAT | TANGKAK | MELAKA | SEREMBAN | K. LUMPUR | T. MALIM | IPOH | G. MUSANG | K. BHARU | GRIK | B'WORTH | P. PINANG | S. PETANI | A. SETAR | CHANGLUN | BKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JOHOR BAHRU | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| KLUANG | 17.25 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| BATU PAHAT | 18.90 | 1.65 | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| SEGAMAT | 29.10 | 10.65 | 9.00 | | | | | | | | | | | | | | | | |
| TANGKAK | 37.35 | 20.10 | 18.45 | 9.45 | | | | | | | | | | | | | | | |
| MELAKA SENTRAL | 33.60 | 16.35 | 14.70 | 5.70 | 3.75 | | | | | | | | | | | | | | |
| SEREMBAN | 45.60 | 28.35 | 26.70 | 17.70 | 8.25 | 12.00 | | | | | | | | | | | | | |
| KUALA LUMPUR | 55.35 | 38.10 | 36.45 | 27.45 | 18.00 | 21.75 | 9.75 | | | | | | | | | | | | |
| TANJUNG MALIM | 74.25 | 57.00 | 55.35 | 46.35 | 36.90 | 40.65 | 28.65 | 18.90 | | | | | | | | | | | |
| IPOH | 85.95 | 68.70 | 67.05 | 58.05 | 48.60 | 52.35 | 40.35 | 30.60 | 11.70 | | | | | | | | | | |
| GUA MUSANG | 90.75 | 73.50 | 71.85 | 62.85 | 53.40 | 57.15 | 45.15 | 53.40 | 16.50 | 4.80 | | | | | | | | | |
| KOTA BHARU | 103.35 | 86.10 | 84.45 | 75.45 | 66.00 | 69.75 | 57.75 | 48.00 | 29.10 | 17.40 | 12.60 | | | | | | | | |
| GRIK | 109.05 | 91.80 | 90.15 | 81.15 | 71.70 | 75.45 | 63.45 | 53.70 | 34.80 | 23.10 | 18.30 | 5.70 | | | | | | | |
| BUTTERWORTH | 110.55 | 93.30 | 91.65 | 82.65 | 73.20 | 76.95 | 64.95 | 55.20 | 36.30 | 24.60 | 19.80 | 7.20 | 1.50 | | | | | | |
| PULAU PINANG | 113.85 | 96.60 | 94.95 | 85.95 | 76.50 | 80.25 | 68.25 | 58.50 | 39.60 | 27.90 | 23.10 | 10.50 | 4.80 | 3.30 | | | | | |
| SUNGAI PETANI | 115.80 | 98.55 | 96.90 | 87.90 | 78.45 | 82.20 | 70.20 | 60.45 | 41.55 | 29.85 | 25.05 | 12.45 | 6.75 | 5.25 | 1.95 | | | | |
| ALOR SETAR | 124.50 | 107.25 | 105.60 | 96.60 | 87.15 | 90.90 | 78.90 | 69.15 | 50.25 | 38.55 | 33.75 | 21.15 | 15.45 | 13.95 | 10.65 | 8.70 | | | |
| CHANGLUN | 130.50 | 113.25 | 111.60 | 102.60 | 93.15 | 96.90 | 84.90 | 75.15 | 56.25 | 44.55 | 39.75 | 27.15 | 21.45 | 19.95 | 16.65 | 14.70 | 6.00 | | |
| BKT. KAYU HITAM | 131.70 | 114.45 | 112.80 | 103.80 | 94.35 | 98.10 | 86.10 | 76.35 | 57.45 | 45.75 | 40.95 | 28.35 | 22.65 | 21.15 | 17.85 | 15.90 | 7.20 | 1.20 | |

| POTONGAN TAMBANG ISTIMEWA | |
|---|---|
| WARGA EMAS (>60 TAHUN) | 25% HARGA TAMBANG |
| ORANG KURANG UPAYA (OKU) | 25% HARGA TAMBANG |
| KANAK-KANAK (7-12 TAHUN) | 25% HARGA TAMBANG |
| KANAK-KANAK (<7 TAHUN) | PERCUMA (TANPA TEMPAT DUDUK) |

DILULUSKAN OLEH :

JADUAL TAMBANG INI MEMBATALKAN JADUAL TAMBANG DAN JADUAL PERJALANAN TERDAHULU

TARIKH :

# LAMPIRAN D

# JADUAL PERJALANAN BAS EKPRES

NO. BAS : LAMPIRAN A
NO. LALUAN :

## SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

**JADUAL PERJALANAN DAN JADUAL TAMBANG BAS EKSEKUTIF**
**BERKUATKUASA MULAI 1 OGOS 2009**
**LALUAN : DARI JOHOR BAHRU KE BUKIT KAYU HITAM DAN SEBALIKNYA**

NAMA SYARIKAT : SYARIKAT ABC
ALAMAT OPERASI : NO. 1, JALAN DAMAI, 88500 JOHOR BAHRU
NO. SYARIKAT : 0182901U(BE)

PERHATIAN
ADALAH MENJADI KESALAHAN SEKIRANYA JADUAL PERJALANAN DAN JADUAL TAMBANG INI TIDAK DIPATUHI

**JADUAL PERJALANAN**

| LALUAN | J. BAHRU KE BUKIT KAYU HITAM DENGAN PERINGKAT TAMBANG DI KLUANG, B. PAHAT, SEGAMAT, TANGKAK, MELAKA SENTRAL, SEREMBAN, K. LUMPUR (PUDURAYA/TBS-BTS/HENTIAN PUTRA), TANJUNG MALIM, IPOH, GUA MUSANG, KOTA BHARU, GRIK, BUTTERWORTH, PULAU PINANG, SUNGAI PETANI, ALOR SETAR, CHANGLUN DAN SEBALIKNYA | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KM | DESTINASI | MASA BERTOLAK | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 0 | JOHOR BAHRU | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 115 | KLUANG | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 126 | BATU PAHAT | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 194 | SEGAMAT | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 249 | TANGKAK | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 224 | MELAKA SENTRAL | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 304 | SEREMBAN | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 369 | KUALA LUMPUR | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 495 | TANJUNG MALIM | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 573 | IPOH | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 605 | GUA MUSANG | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 689 | KOTA BHARU | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 727 | GRIK | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 737 | BUTTERWORTH | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 759 | PULAU PINANG | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 772 | SUNGAI PETANI | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 830 | ALOR SETAR | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |
| 870 | CHANGLUN | 7.30AM | 8.30AM | 9.30AM | 10.30AM | 11.30AM | 12.30PM | 1.30PM | 2.30PM | 3.30PM | 4.30PM | 5.30PM | 6.30PM | 7.30PM | 8.30PM | 9.30PM | 10.30PM | 11.30PM | 12.30AM |
| 878 | BKT. KAYU HITAM | 7.00AM | 8.00AM | 9.00AM | 10.00AM | 11.00AM | 12.00PM | 1.00PM | 2.00PM | 3.00PM | 4.00PM | 5.00PM | 6.00PM | 7.00PM | 8.00PM | 9.00PM | 10.00PM | 11.00PM | 12.00AM |

DILULUSKAN OLEH :

JADUAL TAMBANG INI MEMBATALKAN JADUAL TAMBANG DAN JADUAL PERJALANAN TERDAHULU

TARIKH :